

SURAH YANG DIJELASKAN

Surah: 41 Juzuk: 24/25 Bil. Ayat: 54

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Haa, Miim.
2. Turunnya Kitab ini daripada Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
3. Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu, iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi orang yang memahami.
4. Ia membawa berita yang menggembirakan (bagi orang yang beriman) dan peringatan (kepada orang yang ingkar), namun kebanyakan mereka berpaling. Mereka tidak mahu mendengar (dan menerimanya).
5. Mereka berkata: «Hati kami sudah tertutup daripada memahami apa yang engkau serukan kepada kami dan telinga kami sudah tersumbat. Di antara kami denganmu ada sekatan (yang memisahkan fahaman kita), maka lakukanlah (apa yang engkau percaya), sesungguhnya kami juga tetap melakukannya (mengikut kepercayaan kami)».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

٥ حم

تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٥﴾

كِتَابٌ فُصِّلَتْ مِنْ رَبِّنَا وَقُرْآنٌ لِّأَعْرَابٍ لِّفَوْمٍ
يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

بَشِّيرًا وَنَذِيرًا فَاعْرَضْ كَثَرُوهُ فَهُمْ لَا
يَسْمَعُونَ ﴿٧﴾

وَقَالُوا قُلُوبُنَا فِي أَكْيَانَةٍ مَمَّا تَدْعُونَا إِلَيْنَا وَفِي
أَذَانِنَا وَقُلْ وَمَنْ يَبْشِّنَا بِيُبَيِّنَ حِجَابُ فَاعْمَلْ
إِنَّا عَمَلُونَ ﴿٨﴾

6. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah satu, maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang lurus, serta beristighfarlah. Maka celakalah bagi orang yang mempersekuatukannya».
7. «Iaitu orang yang tidak memberi zakat dan mengkufuri adanya hari akhirat».
8. Sesungguhnya orang yang beriman dan melakukan amalan soleh, bagi mereka balasan pahala yang tidak putus-putus.
9. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam masa dua hari dan kamu adakan sekutu sekutu bagiNya! Itulah Allah Tuhan semesta alam».
10. Dia jadikan di atas bumi gunungan-ganang yang tersergam tinggi serta melimpahkan berkat padanya. Dia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, dalam tempoh empat hari, (penjelasan itu) sebagai jawapan bagi orang yang bertanya.
11. Kemudian Dia bersemayam di atas langit sedang langit itu masih berbentuk asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada

فُلِّ إِنَّمَا أَنَا شَرِيكُهُ بُوحَى إِلَيَّ أَنَّهَا
إِلَهٌ كُلُّ إِلَهٍ وَحْدَهُ فَأَسْتَقِيمُ إِلَيْهِ
وَأَسْتَعْفِرُهُ وَوَيْلٌ لِلْمُسْكِيْنِ ﴿١﴾

الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالرَّحْمَةِ وَهُمْ بِالآخِرَةِ هُمْ
كُفَّارٌ ﴿٢﴾

إِنَّ الَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ
أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

* قُلْ أَيْنَ كُلُّ كَفَّرُونَ يَا لَدُنِّي حَلَقَ الْأَرْضَ
فِي يَوْمَيْنِ وَمَجَعَلُونَ لَهُ أَنْدَادًا ذَلِكَ رَبُّ
الْعَالَمِينَ ﴿٤﴾

وَجَعَلَ فِيهَا رَوْسِيَّ مِنْ فَوْقَهَا وَبَرَكَ
فِيهَا وَقَدَرَ فِيهَا أَقْوَاهَا فِي سَرْعَةٍ
أَيَّامٍ سَوَاءٌ لِلسَّاءِ بِلِينٍ ﴿٥﴾

ثُمَّ أَسْتَوْقَى إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ
لَهَا وَلِلْأَرْضِ أَتَيْتَ أَطْوَرَ عَالَمًا فَوْكَرَهَا قَالَتَا
أَتَيْنَا طَلَابَعِينَ ﴿٦﴾

bumi: «Datanglah kamu berdua mengikut perintahKu, sama ada dengan rela atau dengan terpaksa!» Keduanya menjawab: «Kami berdua datang dengan penuh ketaatan».

12. Lalu Dia menjadikannya tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia memberitahu setiap langit urusan masing-masing. Kami hiasi langit dunia ini dengan bintang-bintang yang bersinar serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.
13. Jika mereka berpaling, maka katakanlah (wahai Muhammad): «Aku memberi peringatan kepada kamu dengan (azab yang dahsyat, iaitu) petir, seperti petir yang telah menyambar kaum ‘Aad dan kaum Thamud!».
14. (Mereka ditimpak azab itu) kerana ketika mereka didatangi para rasul dari depan dan belakang⁽¹⁾ (dengan menyeru): «Janganlah kamu sembah melainkan Allah», mereka menjawab: «Jika Tuhan kami hendak (mengutus para rasul) pastilah Dia akan menurunkan malaikat. Sesungguhnya kami kufur dengan apa yang kamu diutus membawanya!».

فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمٍ وَأَوْحَى فِي
كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا وَرَزَّانَ السَّمَاءَ الَّذِي نَا بِهِ مَصْدِيقًا
وَحَفَظَهُ ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿١٣﴾

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنذِرْنِّكُمْ صَنْعَةَ مَثَلِ
صَنْعَةِ عَادٍ وَشَمُودَ ﴿١٤﴾

إِذْ جَاءَهُمُ الرُّسُلُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ
خَلْفِهِمْ لَا يَعْدُونَ إِلَّا أَلَّا هُنَّ قَالُوا لَوْ شَاءَ رَبُّنَا
لَا نَزَّلَ مَلَكَةً كَيْفَ إِنَّا بِمَا أُرْسِلُوكُمْ بِهِ
كُفَّارُونَ ﴿١٥﴾

1 iaitu dari segala arah.

- 15.** Manakala kaum ‘Aad, mereka menyombongkan diri di muka bumi tanpa sebarang alasan yang benar serta berkata: «Siapakah yang lebih kuat di antara kami?» Tidakkah mereka memerhatikan bahawa Allah yang menciptakan mereka, Dia adalah lebih kuat daripada mereka. Mereka mengingkari tanda-tanda kekuasaan Kami.
- 16.** Lalu Kami utuskan kepada mereka angin ribut yang kencang dalam beberapa hari yang malang. Kami hendak merasakan mereka azab yang hina dalam kehidupan dunia dan sesungguhnya azab hari akhirat lebih besar kehinaannya, sedang mereka tidak diberikan pertolongan.
- 17.** Adapun kaum Thamud, maka Kami beri hidayah kepada mereka, lalu mereka mengutamakan kesesatan daripada hidayah. Mereka telah disambar petir azab yang menghinakan kerana apa yang mereka telah lakukan.
- 18.** Lalu Kami selamatkan orang yang beriman dan mereka tetap bertakwa.
- 19.** (Ingiatlah) hari dihimpun musuh-musuh Allah untuk dibawa ke neraka, lalu mereka semua dikumpulkan.

فَمَمَّا عَادُ فَاسْتَكْبِرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحِقْقَةِ
وَقَالُوا مَنْ أَكْسَدَ مَنَافِعَهُ أَوْ لَمْ يَرَوْ أَنَّ اللَّهَ
الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَكْسَدُ مِنْهُمْ قُوَّةً وَكَانُوا
يَعْلَمُونَ

﴿١٥﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِحَابَ صَرَافِيَ أَيَّامٍ مُحَسَّبَاتٍ
لِئَنْذِيقَهُمْ عَذَابُ الْجَنَّى فِي الْجَوَافِ الدُّنْيَا
وَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَخْزَى وَهُمْ لَا يُنَصَّرُونَ

﴿١٦﴾

وَأَمَّا ثَمُودٌ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحْجَرُوا الْعَمَى عَلَى
الْهُدَى فَأَخْذَنَاهُمْ صَاعِقَةً الْعَذَابِ الْهُمُونِ
بِمَا كَفَرُوا يَكْسِبُونَ

﴿١٧﴾

وَنَجَّيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَسْتَقْنُونَ

﴿١٨﴾

وَلَوْمَ يُحْسِنَ إِذْ أَعْدَ اللَّهُ إِلَى النَّارِ فَهُمْ
بُورَغُونَ

﴿١٩﴾

- 20.** Sehingga apabila mereka sampai ke neraka, pendengaran, penglihatan serta kulit-kulit mereka menjadi saksi terhadap apa yang mereka telah lakukan.
- 21.** Mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: «Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami?» Kulit-kulit itu menjawab: «Allah yang berkuasa menjadikan setiap sesuatu berkata-kata telah menjadikan kami dapat berkata-kata dan Dialah yang menciptakan kamu pada mulanya dan kepadaNyalah kamu dikembalikan».
- 22.** «Kamu bersembunyi (melakukan dosa) bukanlah kerana bimbangkan pendengaran, penglihatan serta kulit-kulit kamu menjadi saksi terhadap perbuatan-perbuatan kamu, akan tetapi kerana kamu menyangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dosa yang kamu lakukan (secara bersembunyi itu)».
- 23.** «Itulah sangkaan kamu terhadap Tuhan kamu. Sangkaan itu telah membinasakan kamu, maka jadilah kamu daripada orang yang rugi!».
- 24.** Maka sama ada mereka bersabar menderita azab atau sebaliknya (maka sama sahaja) kerana nerakalah tempat tinggal mereka.

حَتَّىٰ إِذَا مَأْجَأْتُهُمْ وَهَا شَهَدَ عَلَيْهِمْ سَمَعُهُمْ
وَأَصْنَدُهُمْ وَجْهُهُمْ يَمَاكِثُونَ
يَعْمَلُونَ

وَقَالُوا لِلْحُلُودِ هُمْ شَهِيدُوْنَا قَرِئَ عَلَيْنَا فَأَلَوْا
أَنْظَفَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ
خَلَقَ كُلَّ أَوْلَ مَرْقَدٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَرُونَ أَنْ يَسْهَدَ عَلَيْكُمْ
سَمَعُكُمْ وَلَا أَبْصَرُكُمْ وَلَا جُودُكُمْ وَلَكِنْ
ظَنَنْتُ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مَمَّا تَعْمَلُونَ

وَذَلِكُمْ ظَنُوكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ
أَرْدَدَكُمْ فَاصْبَحْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ

فَإِنْ يَصِرُّوْنَ فَإِنَّنَّا رَمَنَّاهُمْ وَإِنْ يَسْتَعْبُدُوْنَ
فَمَا هُمْ مِنَ الْمُعْتَدِلِينَ

Jika mereka memohon peluang untuk mendapat keredaan Allah, maka mereka bukanlah lagi daripada orang yang diperkenankan permohonannya.

- 25.** Kami adakan bagi mereka teman-teman rapat (daripada jin dan manusia), lalu teman-teman itu menghiasi fikiran mereka dengan (fahaman yang sesat) tentang perkara-perkara dunia yang ada di hadapan mereka, serta perkara-perkara akhirat yang ada di belakang mereka. Maka tetaplah hukuman (azab) ke atas mereka bersama-sama dengan umat-umat yang terdahulu daripada jin dan manusia. Sesungguhnya mereka semua adalah golongan yang rugi.
- 26.** Orang yang kafir berkata: «Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan hendaklah kamu membuat hingar-bingar padanya (dengan nyanyian-nyanyian dan jeritan-jeritan riuh rendah), semoga kamu berjaya (mengganggu bacaan atau menenggelamkan suara pembacanya)!».
- 27.** Maka sesungguhnya Kami akan merasakan orang yang kafir itu azab yang sangat dahsyat dan Kami akan membalaikan mereka dengan seburuk-buruk balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan.

* وَقَبَضْنَا أَهُمْ قُرَآءَةً فَنِيَّنَا أَهُمْ مَابَيِّنٌ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَفَّهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمْ أَقْوَاعُ
فِي أَمْمٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمْ مِنَ الْجِنِّ
وَالْإِنْسَنِ إِنَّهُمْ كَافُؤُ أَخْسِرِينَ ﴿٦﴾

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا لِهَذَا
الْفُرْقَانَ وَالْقُوَّافِيَهُ لَعَلَّكُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

فَلَنُذَيِّقَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لِأَعْذَابَ شَدِيدَنا
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَسْوَأَذْنَى كَافُؤُ اعْمَالُونَ ﴿٨﴾

- 28.** Demikianlah balasan musuh-musuh Allah iaitu neraka, disediakan bagi mereka tempat tinggal yang kekal di dalamnya sebagai balasan bagi perbuatan mereka yang sentiasa mengingkari ayat-ayat Kami.
- 29.** Orang yang kafir berkata: «Wahai Tuhan kami! Perlihatkanlah kepada kami dua golongan yang telah menyesatkan kami daripada jin dan manusia. Kami hendak meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (dalam kehinaan)».
- 30.** Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinan mereka dengan berkata: «Tuhan kami ialah Allah», kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang lurus, maka akan turun malaikat kepada mereka dari masa ke semasa (dengan memberi ilham): «Janganlah kamu bimbang dan janganlah kamu bersedih, terimalah berita gembira bahawa kamu akan mendapat syurga yang telah dijanjikan kepada kamu».
- 31.** «Kamilah pelindung-pelindung kamu dalam kehidupan dunia dan hari akhirat. Pada hari akhirat kamu akan mendapat apa yang diingini oleh nafsu kamu, serta memperolehi apa yang kamu minta».

ذَلِكَ جَزَاءُ أَعْدَاءِ اللَّهِ الْأَنَارُكُلْمُ فِيهَا دَارُ الْخَلَدِ
جَزَاءُ مَنْ كَانُوا بِإِيمَانِنَا يَكْحَدُونَ

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَا إِنَّا إِنَّا الَّذِينَ
أَضْلَلْنَا مِنْ الْجِنِّ وَإِنَّا نَسْأَلُهُمْ مَا لَهُ
أَفَلَمْ يَرَوْا كُلُّنَا مِنْ الْأَسْفَلَيْنَ

إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ اللَّهُمَّ أَسْتَقْمُوا
تَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ الْأَخْفَافُ
وَلَا تَخْرُجُوا وَلَا تُشْرُو بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُشِّطَتْ
وُعَدُونَ

نَحْنُ أَوْلَى أَوْكُمْ فِي أَحْيَاءِ الدُّنْيَا وَفِي
الْآخِرَةِ وَلَكُمْ فِيهَا مَا شَتَّهِي
أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدْعُونَ

نُرَبَّا مِنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ ﴿٢٣﴾

32. «Ianya sebagai sambutan penghormatan daripada Allah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani!».

33. Tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah serta melakukan amalan soleh sambil berkata: «Sesungguhnya aku adalah daripada orang yang berserah diri!».

34. Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang paling baik. Apabila engkau melakukan demikian, maka orang yang bermusuh denganmu akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

35. Sifat yang terpuji ini tidak dianugerahkan melainkan kepada orang yang sabar dan kepada orang yang mempunyai bahagian yang besar daripada kebahagiaan dunia dan akhirat.

36. Jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan daripada syaitan, maka hendaklah engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

37. Di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan.

وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا إِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلَاتِحًا وَقَالَ إِنَّمَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٢٤﴾

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ أَذْعَجَ بِالْتَّقْوَى هُنَّ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي يَبْنَكَ وَبِنَتَهُ، عَدَاؤُهُ كَانَهُ وَلِيٌّ حَمِيرٌ ﴿٢٥﴾

وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا لَذِكْرُهُ صَبَرُوا وَمَا يُلْقَاهَا إِلَّا دُوَّهَ طَعْنَاهُ ﴿٢٦﴾

وَلَمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَنِ نَزْغٌ فَأَسْتَعِدُ بِاللَّهِ إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٧﴾

وَمِنْ أَيْتِيَ أَيْتُلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ

Janganlah kamu sujud kepada matahari dan bulan, sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, jika benar hanya Dia yang kamu sembah.

38. Jika mereka tetap sombang, maka para malaikat yang ada di sisi Tuhanmu tetap bertasbih kepadaNya pada waktu malam dan siang, tanpa merasa jemu.
39. Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya engkau melihat bumi kering dan tandus. Apabila Kami menurunkan hujan maka bergeraklah tanahnya serta suburlah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya pasti berkuasa menghidupkan makhluk yang telah mati, sesungguhnya Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
40. Sebenarnya orang yang mengingkari ayat-ayat Kami, tidak terselindung keadaan mereka daripada Kami. Maka adakah orang yang dihumbangkan ke dalam neraka lebih baik, atau orang yang datang dalam keadaan aman dan selamat pada hari kiamat? (Katakanlah kepada orang yang ingkar itu): «Lakukanlah apa yang kamu suka, sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan».

وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُ وَالشَّمْسُ وَلَا لِلْقَمَرِ
وَأَسْجُدُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ خَلَقَهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ
إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

إِنْ أَسْتَكِنْ بِرُؤْفَةِ الْذِينَ عِنْدَ رَبِّكَ
يُسَيِّرُونَ لَهُ بِأَيْلَلٍ وَالثَّهَارِ وَهُنَّ لَا
يَسْعَمُونَ ﴿٣٨﴾

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنَّكَ تَرَى الْأَرْضَ حَيْشَعَةً إِلَيْهَا
أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ هَمَرَتْ وَرَبَّتْ إِنَّ الَّذِي
أَحْيَاهَا مُحْمَّدٌ الْمُؤْمِنُ إِنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَرِيرٌ ﴿٣٩﴾

إِنَّ الَّذِينَ يُلْجِدُونَ فِي ءَايَاتِنَا لَا يَنْفَعُونَ
عَلَيْهَا أَقْنَى يُلْقَى فِي الْأَنَارِ حَبْرٌ وَمَنْ يَأْتِي
ءَامِنًا يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَتَمْلُو مَا شَتَّمَ إِنَّهُ وَبِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

41. Sesungguhnya orang yang kufur terhadap al-Quran ketika ia sampai kepada mereka, (akan ditimpah azab yang pedih) sedangkan al-Quran itu sesungguhnya sebuah Kitab yang mulia.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالْكِتَابِ لَمَآجَاهَهُمْ وَلَيَأْنَهُ
لِكِتَبٍ عَزِيزٍ ﴿٤١﴾

42. Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah samada depan atau belakang, ia diturunkan daripada Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji.

لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ
نَزَّلْنَا إِلَيْكُمْ حَكِيمٌ حَمِيدٌ ﴿٤٢﴾

43. Tidak dikatakan kepadamu (wahai Muhammad, daripada celaan dan keingkaran) melainkan ia hanyalah seperti apa yang pernah dikatakan kepada para rasul yang terdahulu daripadamu. Sesungguhnya Tuhanmu berkuasa melimpahkan keampunan dan menimpakan azab yang sangat pedih.

مَا يُفَالُ لَكَ إِلَّا مَا فَعَلَ قَيلَ لِرَسُولِ مِنْ قَبْلِكَ
إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَعْنَفَةٍ وَذُو عَقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

44. Kalaualoh al-Quran itu Kami jadikan dalam bahasa asing, pastilah mereka akan berkata: «Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedangkan Rasul yang membawanya berbangsa Arab?» Katakanlah (wahai Muhammad): «Al-Quran itu menjadi hidayah serta penawar bagi orang yang beriman, sebaliknya bagi orang yang tidak beriman ia (menjadi seperti satu penyakit yang) menyumbat

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ فُؤْدَةً أَنَّا أَعْجَمَيْنَا الْقَالُولَوَلَا
فُصِّلَتْ هَذِهِ أَعْجَمِيُّ وَعَرَبِيُّ قُلْ هُوَ
لِلَّذِينَ أَمْنَوْهُدَى وَشَفَاءُ وَلِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
فِيَهُ اذَا نَهَمُ وَقُرْ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمَّا أُولَئِكَ
يُنَادِوْنَ مِنْ مَكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

telinga mereka dan ia juga seperti kegelapan yang menutup pandangan mereka. Mereka itu seperti orang yang diseru dari tempat yang jauh».

- 45.** Sesungguhnya Kami telah memberi Musa kitab Taurat, lalu berlaku pertentangan mengenainya. Jika tidak kerana sebelum ini telah ada ketetapan daripada Tuhanmu pasti telah dijatuhkan hukuman azab dengan serta merta kepada mereka. Sesungguhnya mereka (kaummu) masih menaruh syak tentang (kebenaran al-Quran) itu.

- 46.** Sesiapa yang melakukan kebaikan maka faedahnya akan kembali kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang melakukan kejahanan maka akibatnya akan menimpa dirinya sendiri. Tuhanmu tidak sama sekali menzalimi hamba-hambaNya.

- 47.** Kepada Allah jua kembalinya pengetahuan tentang hari kiamat. Sebiji buah (umpamanya) tidak akan keluar daripada kelopaknya dan seorang ibu tidak akan mengandung dan melahirkan anak melainkan dengan pengetahuan Allah. Pada hari Tuhan menyeru mereka (yang musyrik dengan bertanya): «Mana dia makhluk yang kamu jadikan sekutu-sekutuKu?» Mereka menjawab: «Kami mengakui kepadaMu

وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَأَخْتَلَفَ فِيهِ
وَلَوْلَا كِتَمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَقُضِيَ
بَيْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَفِي شَيْءٍ مِّنْهُ مُرِيبٌ ﴿٤٥﴾

مَنْ عَمَلَ صَالِحًا فَلَنْفَسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ
فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

* إِلَيْهِ يُرْدَعُ عُمُرُ السَّاعَةِ وَمَا لَخِحُّ مِنْ
ثَمَرَاتِ قَنْ أَكْمَاهَا وَمَا تَحْمِلُّ مِنْ أُثْنَى
وَلَا تَضْمِنُ إِلَيْهِ عِلْمًا وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَئْنَ
شُرَكَاءِ إِلَّا لَوْلَا إِذْنَنَا مَا مِنَ شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

bahawa tidak ada di antara kami seorang pun yang mahu menjadi saksi (kerana anggapan kami dahulu ternyata salah)!»

48. (Pada saat itu) lenyaplah daripada mereka apa yang mereka sembah dahulu (yang diharapkan pertolongannya) dan yakinlah mereka bahawa tidak ada cara bagi mereka melepaskan diri (daripada azab).
49. Manusia tidak jemu-jemu memohon kebaikan. Kalau dia ditimpa kesusahan, maka jadilah dia seorang yang sangat berputus asa dan berputus harap (kepada rahmat Allah).
50. Sesungguhnya jika Kami beri dia merasai sesuatu rahmat daripada Kami selepas dia ditimpa sesuatu kesusahan, pasti dia akan berkata (dengan sompong): «Ini ialah hakku dan aku tidak fikir bahawa hari kiamat akan berlaku dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanaku (sekalipun), sudah pasti aku akan mendapat kebaikan di sisiNya!» Maka sesungguhnya! Kami akan memberitahu orang yang kufur itu keburukan apa yang mereka telah lakukan dan Kami akan beri mereka merasai azab yang sangat berat.
51. Apabila Kami kurniakan nikmat kepada manusia, berpalinglah dia menjauhkan diri (daripada

وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ مِنْ فَيْلٌ
وَطَنُوا مَا لَهُمْ مِنْ مَحِيصٍ ﴿٤٨﴾

لَا يَسْعُمُ الْإِنْسَنُ مِنْ دُعَاءِ الْخَيْرِ وَلَنْ
مَسَّهُ النَّشْرُ فَيَوْمٌ قَوْطٌ ﴿٤٩﴾

وَلَئِنْ أَذْفَنْنَاهُ رَحْمَةً مِنَّا مِنْ بَعْدِ ضَرَّةٍ
مَسَّهُ لَيَقُولُنَّ هَذَا لِي وَمَا أَظْلَمُ الْمُسَاعَةَ
فَأَيْمَةً وَلَئِنْ رُجِعْتُ إِلَى رَبِّي إِنَّمَا يَعْنَدُهُ
لِلْحُسْنَى فَلَمْ يَتَّسِعْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا بِمَا عَمِلُوا
وَلَذِنْ يَقْنَهُمْ مِنْ عَذَابٍ عَيْظَى ﴿٥٠﴾

وَإِذَا آتَيْنَا عَلَى الْإِنْسَنِ أَغْرَضَ وَنَّا بِحَابِبِهِ
وَإِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ فَدُوْ دُعَاءَ عَيْضٍ ﴿٥١﴾

bersyukur) dan apabila dia ditimpa kesusahan, maka dia berdoa merayu dengan panjang lebar.

- 52.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Apa pendapat kamu jika al-Quran ini (datangnya) daripada Allah kemudian kamu mengkufurnya? Siapakah yang lebih sesat daripada orang yang tetap berada dalam pertentangan yang menyimpang jauh daripada kebenaran?».
- 53.** Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belum cukupkah (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan setiap sesuatu?
- 54.** Ingatlah! Sesungguhnya mereka (yang kufur) sentiasa berada dalam keraguan mengenai pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Meliputi pengetahuanNya tentang setiap sesuatu.

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كَانَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ثُمَّ
كَفَرْتُمْ بِهِ مَنْ أَصْلَلَ مِنَ الْهُوَفَ
شَقَاقَ بَعْدِ
﴿٥٣﴾

سَرُّهُمْ مَا يَتَبَاهَى فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ
حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ أُولَئِكَ بِكُفْرٍ
بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ عَشِيدٌ
﴿٥٤﴾

أَلَا إِنَّهُمْ فِي مُرْيَةٍ مِّنْ لِقَاءِ رَبِّهِمْ أَلَا إِنَّهُ
بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطٌ
﴿٥٥﴾

